

Kata Kunci:
Persaudaraan
Kebersamaan
Iman
Bantu



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

23 Januari 2026 / 4 Syaaban 1447H

Iman, Persaudaraan dan Kekuatan Bersama

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي خَلَقَ فَسَوَّى، وَقَدَّرَ فَهَدَى، وَأَسْعَدَ وَأَشْقَى، وَأَصْلَ بِحُكْمَتِهِ
وَهَدَى. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ اَلْعَلِيِّ اَلْأَعْلَى، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ اَلْمُصْطَفَى. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
وَمَنِ اهْتَدَى. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. pada setiap masa. Taati segala perintah-Nya dan jauhi segala larangan-Nya. Ingatlah bahawa Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat; tiada satu dosa mahupun pahala yang tersembunyi daripada pengetahuan-Nya. Semoga takwa ini membimbing kita ke jalan yang lurus dan diredai-Nya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Khutbah minggu lalu menyentuh tentang peristiwa Israk dan Mikraj yang dirakamkan dalam sirah Rasulullah s.a.w. Pada

minggu ini pula, khutbah akan mengetengahkan antara inisiatif terawal Rasulullah s.a.w. sebaik sahaja Baginda tiba di Madinah selepas hijrah, iaitu memeterai perjanjian **persaudaraan** antara golongan Muhajirin (pendatang dari Makkah) dan Ansar (penduduk Madinah).

Mengapakah perkara ini menjadi antara inisiatif terawal Baginda s.a.w.? Apakah keperluan mendesak yang mendorong pembentukan perjanjian ini?

Saudaraku,

Rasulullah s.a.w. menyedari bahawa golongan Muhajirin sangat memerlukan sokongan, setelah meninggalkan keluarga, tanah air dan harta benda mereka di Makkah. Dalam masa yang sama, Baginda juga mengiktiraf kesungguhan golongan Ansar untuk melakukan kebaikan. Walaupun mereka memeluk Islam lebih lewat daripada golongan Muhajirin, mereka tetap bersemangat untuk menyumbang kepada agama.

Selain itu, Rasulullah s.a.w. juga memahami kesan **persaudaraan** dalam pengabdian, kerana **persaudaraan** berteraskan keimanan akan saling mengingatkan, mendorong, menyokong dan menegur dengan hikmah dalam usaha meraih keredaan Allah.

Baginda s.a.w. peka bahawa untuk kekal istiqamah secara bersendirian adalah jauh lebih sukar, terutamanya dalam keadaan penuh ketidaktentuan, kesukaran dan ujian berat yang

menghimpit masyarakat Islam ketika itu. Oleh itu, perjanjian **persaudaraan** ini dilaksanakan sebaik sahaja Rasulullah s.a.w. tiba di Madinah.

Roh atau semangat **persaudaraan** dan sikap saling ingin **membantu** ini menepati pedoman Al-Quran. Firman Allah s.w.t. dalam Surah at-Taubah, ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Yang bermaksud: “*Dan orang-orang yang **beriman**, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran, (mereka) mendirikan solat, menunaikan zakat serta mentaati Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan dirahmati oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*”

Sidang Jumaat yang dihormati,

Dalam dunia hari ini, kita juga menghadapi cabaran tersendiri. Oleh itu, semangat **persaudaraan** amat penting. Kita perlu mengambil inspirasi daripada ikatan bersejarah yang dirakamkan sirah Rasulullah s.a.w. dengan memperkukuh hubungan sesama mereka yang hidup di sekeliling kita dan

menjadikannya satu **persaudaraan** yang berpaksikan nilai **iman** dan bertujuan meraih keredaan Allah.

Di sini, khutbah membentangkan dua mesej sebagai peringatan bersama:

Pertama: Kita perlu bersikap belas kasihan dan sedia membantu sesiapa sahaja yang menghadapi kesusahan

Sama ada melalui **bantuan** kewangan, sokongan emosi, ataupun sekadar menjadi pendengar yang prihatin. Seorang Muslim melihat hubungannya bersama insan lain sebagai satu peluang menyebarkan '*amar makruf*' atau kebaikan yang disebutkan dalam ayat Quran yang dibacakan tadi.

Sekiranya yang **dibantu** adalah seorang Muslim, maka terpancar jalinan iman antara mereka berdua. Jika yang dibantu bukan daripada latar belakang yang sama, terserlah pula keindahan dan kemanusiaan Islam. Inilah kemanisan hubungan insani yang berteraskan **iman** dan **kebersamaan**.

Kedua: Kita mesti saling menyokong dalam pengukuhan nilai iman

Ini dapat dicapai dengan kita membudayakan dan menggalakkan amalan kebaikan, kemurahan dalam bersedekah, akhlak yang mulia, istiqamah dalam ibadah, kesungguhan menuntut ilmu agama serta saling bertanggungjawab dalam urusan agama.

Mulakan dengan lingkaran pengaruh yang terdekat, seperti anak-anak, keluarga, rakan dan sesiapa sahaja yang kita temui. Usaha **bersama** yang berteraskan kecemerlangan rohani inilah yang menjadi kunci kejayaan masyarakat Islam lampau dan tidak mustahil juga, generasi hari ini dan yang akan datang.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Umat Islam terdahulu telah menunjukkan semangat **kebersamaan** dalam hubungan sesama mereka. Oleh itu, dalam kehidupan kita dan dalam apa sahaja bidang yang kita ceburi, terapkanlah semangat untuk **membantu** sesiapa di sekeliling kita dan berlumba-lumba menabur sumbangan.

Tanamkan sifat **kebersamaan**. Rebutlah setiap peluang kebaikan. Dengan kesedaran yang berteraskan **iman**, moga kita memperoleh pahala yang memberatkan neraca amalan. Amin, Ya Rahman Ya Mannan.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَرِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمَحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي عَزَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْرَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ لِلْعَالَمِ كُلِّهِ

وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.